

Pemuda Kepala Batas desak semua jawatan Dr. M dilucut

Oleh NOR AZIAH JAAFAR

KEPALA BATAS 30 Okt. - Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kepala Batas mendesak semua jawatan Tun Dr. Mahathir Mohamad berkaitan kerajaan dilucutkan segera berikutan tindakannya mengkritik kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara melampau.

Ketuanya, Ahmad Darus berkata, penyokong Dr. Mahathir yang begitu bersungguh-sungguh menyokong tindakan bekas Perdana Menteri itu, juga harus dikenakan tindakan serupa.

Ini kerana, katanya, setiap ahli UMNO mesti sedar bahawa mereka harus akur kepada presiden sahaja dan hari ini Presiden UMNO ialah Abdullah.

UMNO dan kerajaan perlu bertindak, jangan biarkan perkara ini berlarutan sehingga memecahbelahkan orang Melayu

"UMNO dan kerajaan perlu bertindak, jangan biarkan perkara ini berlarutan sehingga memecahbelahkan orang Melayu.

"Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden parti boleh dipecat oleh Dr. Mahathir dahulu, apakah beliau yang hanya bekas Perdana Menteri dan kini seorang ahli UMNO biasa tidak boleh dikenakan tindakan sama," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.

Ahmad menarik perhatian pada zaman Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, kritikan melampau seperti yang dilakukannya sekarang tentu sahaja akan menghadapi pemecatan daripada parti atau diambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Katanya, tindakan Dr. Mahathir terus mengkritik Abdullah dan kerajaan secara terang-terangan dan membuta tuli adalah tindakan yang tidak wajar oleh

AHMAD DARUS
Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kepala Batas

seorang bekas Perdana Menteri kerana beliau seharusnya sedar kesannya kepada negara.

Menurutnya, Abdullah bersedia menerima teguran dan telah memberi ruang kepada Dr. Mahathir memberikan pendapatnya, namun bekas Perdana Menteri itu telah melampaui batasan.

Ahmad menganggap apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir sekarang bukan hendak menegur tetapi mahu melihat Abdullah berundur.

"Sudah lupakah Dr. Mahathir detik-detik getir orang Melayu berpecah semasa kewujudan Parti Semangat 46 dan semasa pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Orang Melayu ketika itu terbelah tiga, adakah beliau mahu lihat terbelah empat pula.

• **Lihat muka 3**

Sambungan dari muka 1

Pemuda Kepala Batas desak semua jawatan Dr. M dilucut

"Adakah ini bayangan Dr. Mahathir semasa mengarang sajak *Melayu Mudah Lupa*, adakah beliau yang terlupa atau sengaja lupa." ujarnya.

Ahmad mengingatkan Pemuda UMNO supaya tidak membiarkan kemelut itu menjalar dalam pergerakan itu dengan tidak membenarkan walau seorang pun ahli serta kalangan Exconya menentang Presiden, parti dan kerajaan dan jika ada, tindakan perlu diambil terhadap mereka.

Beliau berharap Abdullah tidak gentar dengan cabaran berkenaan, sebaliknya meneruskan tugasnya memimpin negara kerana Pemuda UMNO Kepala Batas akan terus menyokong beliau.